

Biografi Pemain Wau Antarabangsa: Kasmin Mirun@Jabar

Fatin Nabila Rusli
Ummi Qatura Md Salleh
Saiful Farik Mat Yatin
Nordiana Mohd Nordin

**Fakulti Pengurusan Maklumat,
UiTM Kampus Puncak Perdana**

Jalan Pulau Indah AU10/A, Puncak Perdana, 40150 Shah Alam, Selangor

Abstrak:

Artikel ini berasaskan sumber daripada pembacaan dan kajian penulis terhadap tokoh serta berasaskan kepada sumber lisan yang telah dijalankan bersama bintang wau yang telah menjelajah ke serata benua dan dikenali diperingkat antarabangsa sekitar tahun 80an iaitu Kasmin Mirun@Jabar. Penceritaan ini bermula dari kisah latar belakang kehidupan beliau sejurus selepas alam persekolahan yang mana bermula minatnya dalam warisan permainan wau. Antara penceritaan yang dapat beliau kongsi adalah berkenaan permulaan penglibatan beliau, pengalaman pahit dan manis, aktiviti pertunjukkan wau, pengalaman beliau sebagai pemain wau di tahap negeri, kebangsaan, dan antarabangsa, penganugerahan yang diraih sepanjang kariernya, jawatan yang disandang dalam Persatuan Wau Malaysia dan begitu juga tentang inovasi yang telah dihasilkan beliau sehingga menjadi duta wau negara. Selain itu, konsep serta pandangan beliau terhadap tanggapan masyarakat mengenai warisan permainan ini yang semakin ditelan zaman juga turut dimuatkan di dalam artikel ini.

Kata kunci: Kasmin Mirun@Jabar, seni warisan Melayu, wau tradisi.

Latar Belakang

Kasmin Mirun@Jabar merupakan anak kelahiran Labuan Dagang Banting, Selangor. Beliau dilahirkan pada 3 Mac 1943. Beliau kini telah menetap di Kampung Seberang Pekan, Baling Kedah. Beliau merupakan anak ke-enam daripada tujuh (7) adik beradik. Beliau mendirikan rumah tangga bersama Azizah Mohd Noor pada tahun 1967 dan dikurniakan empat (4) orang cahaya

mata. Isteri beliau merupakan pesara guru. Beliau telah mewariskan seni warisan wau ini kepada anak-anak beliau. Kesemua anak beliau mempunyai kemahiran dalam pembuatan seni wau, dan hanya menjadikan kemahiran ini sebagai hobi di masa lapang.

Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Labuan Dagang Banting, Selangor. Zaman persekolahan rendahnya dikatakan kurang seronok atas faktor kemelesetan ekonomi selepas penjajahan British. Seterusnya beliau melanjutkan pelajaran ke Sekolah Menengah High School Klang, Selangor yang mana merupakan antara pelajar lelaki Melayu dari kampung yang belajar di Sekolah Inggeris. Beliau tidak begitu pandai berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris pada awalnya dan pelajar yang salah berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris akan didenda sebanyak lima (5) sen, maka bagi mengelakkan daripada didenda, beliau terpaksa banyak mendiamkan diri. Itu merupakan kenangan yang tidak dapat beliau lupakan. Dari aspek ko-kurikulum, beliau telah menyandang jawatan Ketua Pengakap dan turut terlibat dalam bidang sukan ragbi dan olahraga.

Beliau memulakan kariernya sebagai guru sekolah rendah di Sekolah Kebangsaan Kampung Labuhan Dagang yang merupakan sekolah pertama beliau. Beliau telah bersara sebagai guru tahun 1998. Selepas persaraan, beliau telah menjalankan perusahaan pembuatan wau sepenuh masa bagi menjana pendapatan dalam masa yang sama untuk meneruskan aktiviti hobi beliau.

Penglibatan Awal dalam Bidang Permainan Wau

Seperti yang ditulis di dalam artikel Nurulfatiha (2015) yang menceritakan sewaktu di zaman kecilnya beliau telah membuat layang-layang secara sambilan selain cuba memahami erti disebalik layang-layang. Namun, setelah mendalami erti sebenar wau berbanding layang-layang, beliau lebih bersemangat mahu berjuang bagi mengekalkan hayat permainan tradisi Melayu ini daripada pupus. Pada asalnya, tujuan beliau memilih sukan permainan wau

adalah kerana ingin mencari kemahiran yang boleh direka sendiri selain permainan elit seperti ragbi dan badminton yang agak terkenal pada zaman itu, dan sejak itu beliau telah mula mengenal dan mendalami seni warisan ini.

Beliau mula serius dalam penglibatan permainan wau seawal umur 25 tahun dan sejurus enam (6) tahun iaitu pada tahun 1974 beliau telah menyertai pelbagai pertandingan wau dan antara penyertaan pertamanya diperingkat daerah berlangsung di belakang sekolah di Bongor dan ditabal menjadi johan dalam pertandingan tersebut. Kejuaaran ini telah melayakkan beliau dipilih untuk menyertai latihan di Alor Setar bagi syarat mewakili ke peringkat negeri.

Beliau turut berkongsi tentang perkembangan pesta wau dari negeri-negeri lain. Pada awalnya pesta dan pertandingan wau hanya melibatkan beberapa buah negeri sahaja seperti Kedah, Perlis, Kelantan, dan Terengganu. Namun pada tahun 1975, selepas pendekatan dan pendedahan dalam bentuk bengkel demi memperkenalkan warisan seni ini kepada masyarakat, ianya telah membuka mata dan telah menambahkan lagi penglibatan negeri-negeri lain seperti Pulau Pinang, Pahang, Sabah dan Sarawak. Beliau juga turut melibatkan diri di dalam pertandingan bagi peringkat negeri dan sering kali menjadi johan pertandingan di Kedah, Perak, dan Johor.

Pada tahun 1975, atas faktor kejuaaran yang diraih di peringkat daerah dan negeri, beliau telah dipilih menjadi fasilitator bengkel wau yang diadakan. Beliau juga telah ditugaskan untuk mengajar dan berkongsi pengetahuan tentang seni warisan wau ini kepada masyarakat terutama pelajar-pelajar. Pendedahan awal ini mampu untuk memupuk minat dan penghargaan mereka terhadap warisan ini di masa hadapan, dalam masa yang sama mereka juga adalah penyambung legasi warisan ini agar selaras dengan peredaran zaman.

Selain menjalankan peranan sebagai fasilitator dan juga pendidik, beliau terus aktif dalam menyertai pertandingan-pertandingan wau yang diadakan. Kejayaan yang banyak diraih di peringkat daerah dan negeri telah melayakkan beliau untuk bertanding ke peringkat kebangsaan dengan mewakili negeri

Kedah dengan mempamerkan wau warisan negeri Kedah iaitu Wau Jala Budi. Syarat pertandingan di peringkat kebangsaan adalah setiap pasukan memerlukan empat orang pemain, namun ke-empat (4) pemain perlu membawa jenis wau yang berlainan, contohnya Wau Jala Budi, Wau Bulan, Wau Kucing dan lain-lain. Dengan cara ini, mereka dapat menimba pengalaman dan berkongsi pengetahuan tentang wau berdasarkan negeri masing-masing.

Penglibatan ke Tahap Antarabangsa

Dalam menjalani kehidupan sebagai pemain wau, setiap pencapaian, kejayaan dan kemenangan yang diraih telah membuka peluang beliau untuk mewakili negara. Ini merupakan satu peluang bagi beliau dalam menimba pengalaman baru dan juga memegang tanggungjawab yang besar sebagai wakil Malaysia ke tahap antarabangsa.

Selain bertanding, beliau juga memperkenalkan wau Malaysia kepada negara luar dengan mempamerkan keindahan dari segi corak, hasil buatan, reka bentuk, motif dan falsafah kerana wau Malaysia mempunyai keunikan dan keindahannya yang tersendiri. Selain itu, beliau juga berpeluang untuk berkenalan dengan peserta dari pelbagai negara.

Beliau juga menjalankan kerjasama dalam bentuk tajaan dengan pihak Kraftangan Malaysia dalam mempromosikan Malaysia di mata dunia atau istilah '*jual Malaysia*'. Bentuk tajaan seperti duit poket, penginapan, pengangkutan dan juga makan minum. Istilah '*jual Malaysia*' ini dimaksudkan dengan penyebaran tentang adat, kebudayaan dan keunikan Malaysia kepada masyarakat di luar dengan menyebarkan risalah-risalah tentang keunikan wau di setiap khemah sambil menceritakan serba sedikit tentang Malaysia. Hal ini secara tidak langsung dapat mempromosikan negara dan membina reputasi yang baik di kalangan masyarakat luar negara. Kraftangan Malaysia juga telah menjadikan beliau sebagai pembekal wau tradisi atas tujuan komersial. Dengan bimbingan dan bantuan ini, beliau dapat memodenkan teknik membuat wau dan mendapatkan pasaran (Nurulfatiha, 2015).

Selain itu, beliau juga turut berkongsi pengalaman sepanjang penglibatan dalam pertunjukkan wau di tahap antarabangsa. Mula dipilih ke tahap antarabangsa pada tahun 1984 dan negara pertama yang beliau kunjungi adalah Australia. Pada awalnya, beliau tidak menyangka bahawa beliau berpeluang untuk bertanding mewakili negara di peringkat antarabangsa. Ini kerana pandangan masyarakat pada waktu itu yang menganggap permainan wau hanyalah satu permainan yang membuang masa dan tidak berfaedah. Namun tanggapan ini mula berubah apabila Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan telah menaik taraf permainan tradisi ini ke peringkat antarabangsa dengan menubuhkan Persatuan Wau yang melatih peserta dengan menyediakan kursus, seminar dan pelbagai inisiatif bagi persediaan mewakili Malaysia ke tahap antarabangsa. Antara faktor beliau seringkali terpilih mewakili Malaysia ialah kerana kemahiran beliau berbahasa Inggeris, kemahiran bermain dan pengetahuan beliau dalam membuat wau. Antara negara yang pernah dilawati adalah Eropah, England, Itali, Sweden, Denmark, China, Jerman, Perancis, Switzerland, Belanda dan negara-negara Arab. Pencapaian yang paling membanggakan ialah apabila beliau menjuarai Pertandingan Wau Peringkat Antarabangsa di China pada tahun 1990-an (Megat Lutfi, 2013). Beliau juga pernah dipilih sebagai duta khas Malaysia untuk memperkenalkan seni permainan tradisional orang Melayu dan diberi kepercayaan apabila menerima undangan untuk memberi ceramah kepada penuntut universiti di luar negara (Nurulfatiha, 2015). Beliau berkongsi tentang status wau Malaysia dimata dunia, tentang keunikan wau Malaysia terutama dari segi kecantikan kerana orang Melayu masih lagi mengekalkan unsur-unsur kecantikan tradisional sehingga kini. Antaranya ialah pengekal dalam penggunaan kertas pada wau selain menggunakan kain *ripstop* mengikut saiz wau. Beliau turut berkongsi tentang reaksi masyarakat yang turut gembira atas kejayaan beliau bersama peserta-peserta lain dalam memartabatkan seni warisan ini dan dalam masa yang sama telah menukar perspektif dan pandangan masyarakat tentang permainan wau ini.

Penganugerahan dan Kejayaan

Pelbagai anugerah dan penghargaan telah beliau dikecapi atas kejayaan dalam memperkenalkan dan menaikkan warisan wau ini di serata dunia. Kejayaan terbesar beliau adalah mewakili Malaysia untuk pertunjukan wau di benua Asia dan Eropah. Beliau juga pernah menjadi salah seorang penggubal undang-undang wau bagi menyelaraskan undang-undang permainan wau di Malaysia. Beliau pernah dilantik oleh Menteri Pembangunan sebagai Ahli Jawatankuasa dan bertanggungjawab bersama ahli yang lain dalam menggubal dan menyelaraskan undang-undang dalam pertandingan wau. Menurutnya, pada masa dahulu, pertandingan wau tidak mempunyai undang-undang yang selaras. Setiap negeri mempunyai undang-undang tersendiri. Hal ini telah menimbulkan pelbagai pertelingkahan dan pertikaian diantara pemain. Oleh itu, bagi mengatasi masalah ini, beliau bersama Ahli Jawatankuasa di bawah Kementerian Pembangunan telah mengambil inisiatif menggubal dan menyelaraskan undang-undang wau di seluruh Malaysia. Antara undang-undang yang telah diselaraskan termasuk dari segi saiz, segi bentuk, hiasan wau, dan ketinggian. Undang-undang ini juga diguna pakai oleh pengadil sebagai rujukan dalam pengendalian setiap pertandingan.

Beliau juga pernah menyandang jawatan sebagai Pengerusi Teknik dan Pembangunan didalam Persatuan Wau Malaysia, dan juga pernah menerima Anugerah Seni Negeri Kedah pada tahun 2007. Beliau juga mendapat pengiktirafan dari Kementerian Pelancongan Malaysia dan mula mengikat kontrak dengan Kementerian itu pada tahun 2003 untuk membekalkan jenama Wau Baling untuk Pejabat Cawangan Kementerian di seluruh dunia. Beliau pernah mendapat pengiktirafan inovator Akar-Umbi oleh Yayasan Inovasi Malaysia (YIM), sebuah agensi di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) menerusi program Jejak Inovasi pada tahun 2002 melalui rekaan yang beliau hasilkan (Nurulfatihah, 2015).

Inovasi

Inovasi merupakan sebuah wau lipat yang mempunyai keunikan daripada wau-wau warisan yang lain. Nama ini juga diambil berdasarkan idea kreatif beliau

yang telah mencipta satu inovasi wau yang boleh dilipat kepada beberapa bahagian. Inovasi ini tercetus apabila beliau menghadapi kesukaran bagi membawa wau ke luar negara. Wau yang dibawa biasanya bersaiz besar, justeru agak sukar untuk dibawa jika ada pertandingan di luar negara. Faktor saiz juga telah mendorong kepada masalah pengangkutan dimana setiap kali beliau ingin membawa wau beliau ke pertandingan samada dalam negeri atau luar Negara, beliau terpaksa menyewa van atau lori. Namun, setelah melihat kreativiti peserta luar negara yang menghasilkan wau moden, malah boleh dipasang siap hanya dalam masa beberapa minit (Megat Lutfi, 2013), maka pada tahun 1994, tercetuslah idea penghasilan yang direkannya sendiri.

Tujuan utama adalah untuk mengecilkan saiz wau bagi memudahkannya dibawa kemana-mana dan juga tujuan untuk komersial dan perniagaan. Inovasi yang dihasilkan membolehkan wau dilipat dengan rapi dan disimpan di dalam kotak khas yang kompak, selamat serta ringan. Apabila kotak itu dibuka, wau masih kekal utuh dan boleh diterbangkan, selain kelihatan cantik sebagai perhiasan (Nurulfatiha, 2015). Ini boleh diadaptasikan kepada semua jenis wau, namun setiap jenis mempunyai angka lipatan yang berbeza bergantung kepada saiz, contohnya seperti Wau Jala Budi, Wau Bulan, dan Wau Kucing yang berukuran tiga (3) kaki dilipatkan kepada tiga bahagian, manakala bagi wau bersaiz kecil 18 inci akan dilipatkan kepada dua (2) bahagian sahaja dengan penggunaan 'alat penyambung' di bahagian tulang belakang wau. Alat penyambung ini adalah bahan ringan seperti gentian *fiber optik* dan aluminium. Selain itu, ia juga mempunyai keunikan dari wau-wau yang lain atas faktor penggunaan kain *organza*. Secara dasarnya, wau dibuat menggunakan kertas, namun apabila berhadapan dengan keadaan cuaca yang berlainan di setiap negara dan faktor pengangkutan, telah menyebabkan masalah koyak berlaku. Oleh itu, beliau telah mengambil inisiatif baru dalam menghasilkan wau yang dibuat oleh kain *organza* kerana kain tersebut amat ringan, nipis, kukuh dan corak yang dihasilkan juga tidak mudah rosak. Selain itu, pemasangan rangka juga mengambil masa yang singkat iaitu kurang lima (5) minit.

Bagi mengelakkan idea ini ditiru, beliau telah mendaftarkan hasil ciptaan beliau ke Jabatan Sains Inovasi dan Teknologi. Kini, hasil inovasi dan ciptaan boleh didapati di *Central Market* dan Karyaneka, Kuala Lumpur serta Pulau Pinang pada harga bermula RM22 mengikut saiz, kategori serta gred (Nurulfatiha, 2015). Walaubagaimanapun, wau yang telah diinovasikan ini tidak boleh dipertandingkan kerana bercanggahan dengan undang-undang permainan wau kerana Jawatan Kuasa Pengadil telah menetapkan wau yang dipertandingkan tidak boleh dilipat dan dipasang siap.

Kesimpulan

Perkongsian tentang sumbangan tokoh dalam berjuang memperkasakan dan menaikkan martabat warisan permainan wau ini juga perlulah di jadikan iktibar dan dihargai sebagai tanda warisan ini masih hidup dan aktif dikalangan masyarakat walaupun dilanda arus pemodenan, namun begitu warisan ini mestilah terus dikekalkan dan dihargai. Beliau telah mula memperlahankan aktiviti dalam pembuatan dan pertunjukkan wau atas faktor kesihatan beliau yang tidak mengizinkan. Beliau berharap generasi akan datang dapat meneruskan seni pembuatan dan permainan wau tradisi agar tidak luput di telan zaman (Megat Lutfi, 2013). Jika generasi muda kini terutama orang Melayu tidak menyambung warisan wau ini, maka warisan seni permainan wau ini akan tidur buat selamanya.

Rujukan

- Nurulfatiha Muah. (2015, Mac 7). Inovasi wau lipat. Sinar Online. Retrieved from www.sinarharian.com.my.
- Megat Lutfi Megat Rahim. (2013, November). Kasmin Pejuang Wau. Kosmo Online. Retrieved from ww1.kosmo.com.my.
- Kasmin Mirun@Jabar. (2018, November 03). Temubual Berkenaan "Pengalaman Sebagai Tokoh Wau Antarabangsa"
- Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara. (2012). Permainan Tradisional. Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara. Retrieved from www.jkkn.gov.my